

BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI TANAH MELAYU

- 1**
m/s94 Selepas kekalahan Jepun, British Military Administration (BMA) dihantar untuk mengembalikan keamanan. Bagaimanakah BMA melaksanakan tanggungjawabnya?
- A Membubarkan MPAJA
 - B Memperkenalkan pilihanraya
 - C Berunding dengan Bintang Tiga
 - D Persediaan berkerajaan sendiri
- 2**
m/s95 Mengapakah British Military Administration (BMA) berusaha memulihkan prasarana dan sosioekonomi penduduk tempatan?
- A Mengatasi masalah inflasi
 - B Melaksanakan tanggungjawab
 - C Menjamin masa depan
 - D Memulihkan kepercayaan rakyat
- 3**
m/s95 Apakah iktibar yang diperoleh daripada kegagalan British Military Administration (BMA) memulihkan keadaan selepas perang?
- A Usaha mengelakkan kekacauan
 - B Kita menentukan masa depan sendiri
 - C BMA tidak ikhlas melaksanakan tugas
 - D Kepentingan menanamkan semangat anti British
- 4**
m/s96 Maklumat di bawah merupakan hasrat yang hendak dicapai oleh British di Tanah Melayu
- Melicinkan sistem pentadbiran
 - Meningkatkan pelaburan ekonomi
 - Mengukuhkan pertahanan
 - Mengekalkan sumber tenaga asing
- Apakah usaha British untuk mencapai hasrat tersebut?
- A BMA
 - B Jus Soli
 - C Malayan Union
 - D Kertas Putih 6274
- 5**
m/s96 British mula melaksanakan perlembagaan Malayan Union pada 1 April 1946. Apakah asas pentadbiran Malayan Union?
- A Republik
 - B Kesatuan
 - C Demokrasi
 - D Persekutuan

- 6** Apakah fungsi raja Melayu dalam pentadbiran Malayan Union 1946?
m/s97
- A Ketua pentadbir
 - B Penasihat Gabenor
 - C Ketua Agama Islam
 - D Penggubal undang-undang
- 7** Apakah perubahan utama yang dibawa hasil pelaksanaan Malayan Union terhadap negeri-negeri Melayu?
m/s97
- A Jumlah penduduk bertambah
 - B Jawatan sultan dilucutkan
 - C Ekonomi berkembang pesat
 - D Negeri-negeri Melayu berstatus tanah jajahan
- 8** British melantik Sir Harold Mac Michael untuk mendapatkan tandatangan persetujuan raja-raja Melayu terhadap Malayan Union. Mengapakah tindakan beliau menimbulkan bantahan daripada penduduk Tanah Melayu?
m/s98
- A Sir Harold Mac Michael tidak layak
 - B Mengetepikan nasihat sultan
 - C Mendesak dan memaksa raja
 - D Sir Harold Mac Michael tidak menghadap sultan
- 9** Mengapakah Raja Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946?
m/s107
- I Masalah kewangan
 - II Masalah pewarisan takhta
 - III Permintaan penduduk
 - IV Pengagihan kekayaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 10** Pada 19 Jun 1944, Pejabat Tanah Jajahan British telah mendesak Vyner Brooke memberikan lebih kuasa kepada kerajaan British untuk meluaskan penguasaannya di Sarawak. Mengapakah British berbuat demikian?
m/s107
- I Memelihara kestabilan
 - II Menguasai kekayaan ekonomi
 - III Menjaga kepentingan pelaburan British
 - IV Memastikan kedaulatan Sarawak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV